

**PM sertai program motosikal besar
Utusan Online
December 25, 2011**

KUALA LUMPUR 24 Dis. - Datuk Seri Najib Tun Razak dijangka menaiki motosikal berkuasa tinggi bersama Menteri Pertahanan, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dalam satu program yang diadakan awal Mac depan, di Bukit Jalil, di sini.

Ahmad Zahid yang juga Pengerusi Eksekutif Persatuan Superbikers Malaysia (SAM) berkata, Perdana Menteri telah menyatakan persetujuan untuk menyertai program anjuran Kumpulan Media Prima itu.

Katanya, beliau telah menyediakan jaket dan topi keledar untuk kegunaan Perdana Menteri dalam majlis yang dijangka turut disertai kira-kira 5,000 pemilik motosikal berkuasa tinggi dan sederhana.

"Najib juga dijangka mengumumkan sesuatu yang pada hemat saya akan memberi keuntungan kepada penunggang motosikal dari segi cukai," katanya pada sidang akhbar sebelum menyertai konvoi "Ride bersama Datuk Zahid Hamidi" di sini, hari ini.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1225&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_01.htm